

# Kurangkan statistik kemalangan maut

88 13/10/14  
22

JKJR optimis mampu capai sasaran menjelang 2020

S/Harian  
13/10/2014  
m/s : 41

**BATU PAHAT** — Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) menasarkan penurunan 50 peratus kadar kematian berpunca daripada kemalangan maut menjelang 2020, menerusi pelan tindakan enam tahun.

Ketua Pengaruhnya, Datuk Dr Tam Weng Wah berkata, dijangkakan angka kematian akibat kemalangan jalan raya pada 2020 sebanyak 10,716 kes, namun jumlah tersebut diharap dapat dikurangkan kepada 5,358 kes.

Menurutnya, perkara berkenaan tidak mustahil memandangkan indeks kematian kemalangan jalan raya dari 2004 hingga 2013 berjaya diturunkan daripada 4.51 orang bagi setiap 10,000 kenderaan kepada 2.9 orang tahun lalu.

"Kita juga harap dapat menurunkan indeks kadar kematian melalui program kesedaran yang berterusan, penguatkuasaan undang-undang trafik dan pelbagai program yang dianjurkan JKJR dengan kerjasama agensi lain."

"Menerusi Pelan Keselamatan Jalan Raya 2014-2020 yang menekankan aspek kesedaran dan infrastruktur, ia komitmen kita untuk mengurangkan kemalangan dan kematian di jalan raya," katanya selepas merasmikan Program Keselamatan



Weng Wah (dua, kiri) memakaikan topi keledar dan jaket keselamatan kepada pelajar UTHM sempena kempen berkenaan.

Jalan Raya di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM, Profesor Dr Wahid Razzaly dan Pengurus Korporat Petron Malaysia Refining & Marketing Berhad, Lokman Md Hani.

Weng Wah berkata, menerusi pelan itu, pihaknya memperkenalkan lima pengisian yang diguna pakai negara maju lain untuk mengurangkan kadar kemalangan maut.

Katanya, pelan itu juga diharap mampu memberikan kesedaran ke-

pada pengguna jalan raya seterusnya mampu mengurangkan risiko kematian ketika menggunakan jalan raya.

"Pengisian ini antaranya membabitkan pengurusan keselamatan jalan raya, keselamatan kenderaan, keselamatan jalan dan keselamatan pengguna pendidikan serta pengurusan setelah berlakunya kemalangan."

"Kita juga meminta pihak swasta turut sama membantu memberi kesedaran kepada orang ramai melalui program-program yang dianjurkan selain penglibatan daripada institusi pendidikan di negara ini," katanya.